

UMS akan ubahsuai sistem MyCPD

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) mengubahsuai Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) kepada sistem Pembangunan Profesional Berterusan (MyCPD) untuk pembangunan kompetensi kakitangan dan organisasinya.

Naib Canselor UMS Datuk Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampon berkata: "penggunaan sistem ini adalah sebagai pengukur terhadap pencapaian dan tahap

kompetensi para kakitangan UMS sekaligus mengajak warga universiti itu untuk mempersiapkan diri mereka dengan pelbagai ilmu pengetahuan serta meningkatkan kemahiran dalam tugas melalui pelbagai kursus dan latihan yang ditawarkan.

"Kakitangan akan dinilai mengikut mata kredit yang diperolehi berdasarkan penyertaan terhadap kursus dan latihan mengikut keperluan dalam skim jawatan yang

disandang," katanya.

Tambah beliau lagi semasa Majlis pelancaran sistem MyCPD yang berlangsung di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah kelmarin.

MyCPD dilaksanakan bermula 4 Januari 2010 dengan mengambil sistem MyCPD Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai model pelaksanaan.

Melalui Pelaksanaan sistem ini, penilaian akan dijalankan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) yang

melibatkan lapan orang Profesor dilantik khas termasuk Profesor dari luar negara.

Profesor Dr Abdul Aziz Tajudin selaku Pergerakan Pelantar Penyelidikan USM berkata: "MyACP adalah penilaian yang membolehkan kenaikan pangkat kakitangan bagaimanapun untuk mendapatkan anjakan gaji mereka tetap perlu menjalani Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)." - OLEH SYLVIA JUANIS



(Dari kiri) Profesor Dr Abdul Aziz Tajudin, Datuk seri Panglima Dr Kamaruzaman Hj Ampon bersama Pendaftar Abdullah Hj Mohd Said merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana MyCPS dan Norman Datuk Hj Ahmad dalam sidang media Pelancaran Sistem MyCPD.